

Bil. S 13

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH BESAR (PINDAAN), 2021

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
2. Pemasukan bab 15A baru ke dalam E 2/1963

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH BESAR (PINDAAN), 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Mahkamah Besar (Pindaan), 2021.

Pemasukan bab 15A baru ke dalam E 2/1963

2. Undang-Undang Mahkamah Besar, 1963 adalah dipinda sejurus selepas bab 15 dengan memasukkan bab baru yang berikut —

“Menjalankan pendengaran melalui cara elektronik

15A. (1) Dengan tidak menghiraukan apa-apa peruntukan Akta ini, Mahkamah Besar boleh menjalankan pendengaran mengenai apa-apa perkara atau prosiding melalui sambungan video langsung, sambungan televisyen langsung atau apa-apa cara elektronik komunikasi lain di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam dengan arahan, yang mungkin bersifat umum atau khusus, sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Ketua Hakim.

(2) Ceraian (1) tidak menjejaskan penjalanan bab 60A dari Akta Keterangan (Penggai 108) dan bab-bab 236B, 236C, 236D dan 236E dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggai 7).”.

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1442 bersamaan dengan 27 haribulan Mei, 2021 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.